

Tujuh kampung di Rantau Panjang dinaiki air

Kelantan dilanda banjir

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
utusankelantan@utusan.com.my

■ **RANTAU PANJANG 30 NOV.**

HUJAN lebat sejak Jumaat lalu menyebabkan beberapa buah kampung di daerah ini mula dinaiki air dengan paras air Sungai Golok juga telah melepasi paras amaran iaitu 9.58 meter.

Antara kawasan yang terjejas ialah Kampung Tersang, Kampung Bongor, Kampung Putat Tujuh, Kampung Lubok Stal, Kampung Lubok Gong, Bonggor Jawi dan Kampung Lanchang dengan 600 keluarga di kawasan tersebut kini sudah berada dalam keadaan bersiap sedia untuk berpindah.

Banjir turut menyebabkan kebanyakan laluan masuk ke kampung-kampung berkenaan tidak boleh dilalui kenderaan ringan kerana digenangi air sedalam satu meter.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Kampung Lanchang, Kampung Lubok Gong dan Kampung Bongor mendapati kawasan rendah itu mulai dibanjiri ekoran limpahan air Sungai Golok.

Seorang penduduk, **Jasmin Has-**

san, 55, berkata, paras air di kawasan kampungnya semakin meningkat, namun sehingga kini masih belum mendapat arahan untuk berpindah.

Katanya, hujan lebat sejak empat hari lalu menyebabkan air mula melimpah dan bahagian bawah rumahnya kini telah dinaiki air sehingga paras pinggang.

“Setakat petang ini, keadaan masih terkawal dan sekiranya hujan masih berterusan, keadaan mungkin bertambah buruk dan saya bersama keluarga mungkin akan mula berpindah ke pusat pemindahan yang disediakan,” katanya.

Seorang lagi penduduk, **Mah Long**, 56, berkata, mereka sekeluarga telah mengambil langkah berjaga-jaga kerana paras air boleh meningkat pada bila-bila masa.

“Walaupun sudah biasa berhadapan situasi begini, saya bimbang paras air Sungai Golok akan meningkat secara mendadak terutama pada waktu malam sekali gus menyukarkan kami untuk berpindah,” katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang, **Rahmat Kamarulzaman** berkata, setakat ini, pihaknya masih belum

menjalankan operasi pemindahan mangsa banjir kerana keadaan masih terkawal.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya bersiap sedia dengan kenderaan penyelamat seperti bot dan lori sebagai persediaan operasi membantu mangsa banjir di kawasan ini.

“Pada masa sama, kita juga kini sedang memantau kawasan-kawasan rendah yang telah dikenal pasti berisiko ditenggelami air,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menasihati penduduk terutama yang tinggal di kawasan rendah supaya mengambil langkah berjaga-jaga dan sentiasa berada dalam keadaan siap sedia menghadapi musim banjir.

“Penduduk perlu bersedia mengemas dan memindahkan barangan masing-masing dan apabila diarahkan berpindah mereka perlu segera bertindak.

“Tren hujan kini juga menunjukkan peningkatan dan paras air Sungai Golok dijangka terus meningkat,” katanya.

Portal Jabatan Meteorologi Malaysia melaporkan, hujan dijangka berterusan di beberapa kawasan di negeri ini sehingga 6 Disember ini.



SEKUMPULAN kanak-kanak bermain air banjir berikutan limpahan Sungai Golok di Kampung Lubok Gong, Rantau Panjang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/WAHIDIN SALIM